

22 DEC 2000

ATM-Tabung

PLUS SUMBANG RM1 JUTA UNTUK TABUNG AMANAH WIRA ATM

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) hari ini menyumbang RM1 juta kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk mengisi Tabung Amanah Wira dan Pertahanan Negara.

Sumbangan PLUS itu diserahkan oleh Pengerusinya Tan Sri Radin Soenarno Al-Haj kepada Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak di Kementerian Pertahanan di sini.

"Saya pun agak terperanjat dengan sumbangan RM1 juta oleh PLUS apabila diberitahu pagi ini," katanya ketika memberi ucapan pada majlis penyerahan sumbangan Hari Raya Aidilfitri oleh Badan Amal dan Kebajikan Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) dan syarikat-syarikat.

Sebuah lagi syarikat tempatan, Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga tidak ketinggalan dengan menyumbang sebanyak RM50,000 kepada tabung itu yang telah diwujudkan sejak 1984.

Najib berkata tabung yang diurus oleh Lembaga Amanah Raya itu adalah bagi membantu anggota tentera yang cedera ketika menjalankan tugas terutama daripada segi rawatan perubatan dan lain-lain lagi.

Sementara itu, Yang Dipertua Bakti, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali menyerahkan sumbangan hari raya daripada pertubuhan itu untuk diagih kepada anggota tentera yang bertugas di perbatasan.

Siti Hasmah yang juga isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keamanan adalah komoditi yang amat bernilai yang menuntut semua rakyat untuk memelihara dan mengekalkannya.

"Amat bermakna dan berkesan bagi kita mendoakan supaya negara kita ini sentiasa dalam keadaan aman sentosa supaya ATM dan wira-wira kita bertugas dengan selamat menjaga kedaulatan dan keselamatan kita dan dijauhi Allah s.w.t apa jua peristiwa yang buruk," katanya.

Najib pula berkata sumbangan Hari Raya oleh Bakti dan syarikat-syarikat itu menunjukkan bahawa mereka sentiasa mengingati anggota tentera yang berkorban bagi memastikan negara sentiasa aman sepanjang masa.

Katanya sumbangan ini juga dapat meningkatkan moral anggota tentera.

Kementerian Pertahanan kata Najib, akan memastikan supaya 12,000 bungkusan hari raya itu dapat diagih-agihkan kepada kesemua anggota tentera di perbatasan dan juga kepada mereka yang sedang menerima rawatan di hospital.

Yang turut hadir pada majlis itu adalah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Zahidi Zainuddin, Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz, Naib Yang Dipertua Bakti Datin Seri Endon Mahmood dan panglima dari ketiga-tiga cabang ATM.

-- BERNAMA

MHI ZS LAT